



14 Disember 2020
14 December 2020
P.U. (A) 349

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG
(PINDAAN) 2020

*FARMERS' ORGANIZATION
(AMENDMENT) REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*], Lembaga Pertubuhan Peladang, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan peraturan 35

2. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 [*P.U. (A) 303/1983*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 35—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Jemaah Pengarah—

(a) bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan, hendaklah terdiri daripada sebelas orang ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan—

(i) dua orang ahli daripadanya hendaklah merupakan Peladang Muda; dan

(ii) dua orang ahli daripadanya hendaklah merupakan Peladang Nita;

(b) bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri, hendaklah terdiri daripada tiga belas orang—

(i) sebelas orang ahli daripadanya hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan—

(A) seorang ahli daripadanya hendaklah merupakan Peladang Muda; dan

(B) seorang ahli daripadanya hendaklah merupakan Peladang Nita; dan

(ii) dua orang daripadanya hendaklah dilantik oleh Menteri—

(A) seorang daripadanya hendaklah merupakan wakil daripada kementerian yang bertanggungjawab bagi pertanian dan industri makanan; dan

(B) seorang daripadanya hendaklah merupakan pakar dalam bidang perniagaan pertanian; dan

(c) bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan, hendaklah terdiri daripada tujuh belas orang—

(i) sebelas orang ahli daripadanya hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan; dan

(ii) enam orang daripadanya hendaklah dilantik oleh Menteri.”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pengerusi Jemaah Pengarah mana-mana Pertubuhan Peladang hendaklah dipilih melalui suatu undian majoriti daripada jumlah ahli Jemaah dalam mesyuarat pertama Jemaah Pengarah itu dan jika terdapat bilangan undi yang sama banyak, calon-calon yang mempunyai undi yang sama banyak hendaklah mencabut undi untuk menentukan siapa yang akan menjadi pengerusi.”;

(c) dengan memotong subperaturan (3), (3A), (3B) dan (3C);

(d) dalam perenggan (4)(b), dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “tiga”; dan

(e) dengan menggantikan subperaturan (8) dengan subperaturan yang berikut:

“(8) Kuorum bagi apa-apa mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah terdiri daripada yang berikut:

(a) lima orang bagi suatu Pertubuhan Peladang Kawasan;

(b) tujuh orang bagi suatu Pertubuhan Peladang Negeri;
dan

(c) sembilan orang bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan.”.

Penerusan Pemegangan Jawatan

3. (1) Ahli Jemaah Pengarah yang sedia ada yang dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan atau dilantik oleh Menteri di bawah subperaturan 35(1) Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa

hendaklah disifatkan telah dipilih atau dilantik di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus memegang jawatan sehingga habis tempoh pemilihan atau pelantikan mereka seolah-olah Peraturan ini tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apa-apa perbuatan yang dilakukan, tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat oleh ahli Jemaah Pengarah yang disebut dalam subperaturan (1) sebaik selepas Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan sah dan boleh diteruskan dengan sewajarnya oleh ahli Jemaah Pengarah.

Dibuat 8 Disember 2020
[LPP(U) 20/2 Jld. 11; PN(PU2)133/VI]

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH
Pengerusi
Lembaga Pertubuhan Peladang

Diluluskan 8 Disember 2020
[KP/LA/483/8 Jld. 2; PN(PU2)133/VI]

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

FARMERS' ORGANIZATION ACT 1973

FARMERS' ORGANIZATION (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Farmers' Organization Act 1973 [*Act 109*], the Farmers' Organization Authority, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Farmers' Organization (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2021.

Amendment of regulation 35

2. The Farmers' Organization Regulations 1983 [*P.U. (A) 303/1983*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended in regulation 35—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

"(1) The Board of Directors—

(a) for every Area Farmers' Organization, shall consist of eleven members elected in the Annual General Meeting—

(i) two members of whom shall be a *Peladang Muda*; and

(ii) two members of whom shall be a *Peladang Nita*;

(b) for every State Farmers' Organization, shall consist of thirteen persons—

(i) eleven members of whom shall be elected in the Annual General Meeting—

(A) one member of whom shall be a *Peladang Muda*; and

(B) one member of whom shall be a *Peladang Nita*; and

(ii) two persons of whom shall be appointed by the Minister—

(A) one of whom shall be a representative from the ministry responsible for agriculture and food industries; and

(B) one of whom shall be an expert in the field of agricultural business; and

(c) for the National Farmers' Organization, shall consist of seventeen persons—

(i) eleven members of whom shall be elected in the Annual General Meeting; and

(ii) six persons of whom shall be appointed by the Minister.”;

(b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) A chairman of the Board of Directors for any Farmers’ Organization shall be elected by a majority vote from the total members of the Board in the first Board of Directors’ meeting and if there is an equal number of votes, the candidates who have the equal number of votes shall draw lots to determine whom to be the chairman.”;

(c) by deleting subregulations (3), (3A), (3B) and (3C);

(d) in paragraph (4)(b), by substituting for the word “two” the word “three”;
and

(e) by substituting for subregulation (8) the following subregulation:

“(8) The quorum for any Board of Directors’ meeting shall consist of the following:

(a) five persons for an Area Farmers’ Organization;

(b) seven persons for a State Farmers’ Organization; and

(c) nine persons for the National Farmers’ Organization.”.

Continuance of holding office

3. (1) The existing members of the Board of Directors elected in the Annual General Meeting or appointed by the Minister under subregulation 35(1) of the principal Regulations immediately before the commencement of these Regulations shall be deemed to have been duly elected or appointed under these Regulations and shall continue to hold office until the expiry of their term of elections or appointments as if the principal Regulations had not been amended by these Regulations.

(2) Any act done, action taken or decision made by the members of the Board of Directors referred to in subregulation (1) immediately after the commencement of these Regulations shall be deemed to be valid and may accordingly be continued by the members of the Board of Directors.

Made 8 December 2020
[LPP(U) 20/2 Jld. 11; PN(PU2)133/VI]

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH
Chairman
Farmers' Organization Authority

Approved 8 December 2020
[KP/LA/483/8 Jld. 2; PN(PU2)133/VI]

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
Minister of Agriculture and Food Industries